


## 2.5.2 Dokumen

Dokumen penting dalam penyediaan

Pengurusan ladang yang baik akan dapat membantu pengusaha menentukan kejayaan suatu projek tanaman. Semua urusan perlu disokong dengan dokumen yang berkaitan terutama sekali tentang perbelanjaan dan pendapatan projek tanaman yang diurus. Kepentingan penyediaan dokumen dalam pengurusan projek tanaman adalah sebagai sumber maklumat untuk perakaunan, memberikan maklumat tentang sesuatu urusaniaga dan dapat dijadikan bukti bagi sesuatu urusaniaga. Selain mengingatkan pengurus tentang hutang dalam urusaniaga ianya menjadi rujukan pada masa hadapan. Dokumen dapat dibahagikan kepada : jenis dokumen seperti Rajah 2.39.



Rajah 2.39 Jenis-jenis dokumen

### Dokumen dan Huraian

#### Dokumen Sebelum Urus niaga

| Jenis Dokumen | Huraian                                                                                                                                                                                      |
|---------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|               | Dihantar oleh pembeli kepada penjual untuk mendapatkan maklumat barang-barang yang hendak dibeli. Maklumat yang diperlukan ialah harga barang, cara pembekalan, diskaun dan cara pembayaran. |
|               | Penjual menghantar katalog bersama dengan sebut harga. Katalog mengandungi senarai harga bagi semua barang yang dibekalkan oleh penjual.                                                     |
|               | Dokumen yang mencatatkan harga semua barang yang dijual oleh peniaga.                                                                                                                        |
|               | Dihantar oleh penjual kepada pembeli sebagai jawapan kepada surat tanya. Maklumat yang diberi ialah harga yang hendak dibeli, syarat penghantaran dan pembayaran.                            |